

'Coklat' RM200k berisi dadah

Kota Bharu: Guna perkhidmatan kurier bagi menghantar pelbagai jenis dadah 'coklat' bernilai lebih RM200,000 ke-pada pelanggan di seluruh ne-gara.

Taktik itu berjaya dibongkar Jabatan Kastam Diraja Mala-ysia (JKDM) Kelantan berjaya menggagalkan kegiatan penye-ludupan dadah itu hasil ser-buan di premis perkhidmatan kurier di Pengkalan Chepa di sini pada 15 Julai lalu.

Pengerahnya, Wan Jamal Ab-dul Salam Wan Long, berkata, hasil pemeriksaan disaksikan

pekerja perkhidmatan kurier premis menemui 14 kotak pel-bagai saiz berisi dadah.

"Pemeriksaan lanjut mene-mui ketulan mampat ganja se-berat 26.05 kilogram, bunga ganja, pil kuda dan ketamine dengan nilai keseluruhan RM201,781.

"Modus operandi digunakan sindiket adalah menggunakan perkhidmatan kurier untuk pe-ngedaran dadah ke pasaran.

"Bekalan dadah ini untuk di-hantar ke beberapa negeri iaitu Johor, Pahang, Perlis, Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang," katanya semalam.

Mengulas lanjut katanya, be-

kalan dadah berkenaan di-bungkus menggunakan plastik coklat dan air minuman bagi mengaburi daripada dikesan.

"Siasatan masih dijalankan bagi mengesan pengirim be-kalan dadah dan kita percaya sejumlah dadah ini dikrim oleh individu yang sama.

"Kami juga bekerjasama de-ngan syarikat perkhidmatan kurier bagi mengekang kegi-atan penyeludupan ini dari berleluasa.

"Kes itu kini disiasat me-ngikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Beliau turut menggesa orang ramai membantu JKDM me-musnangi penyeludupan klu-susnya rokok, minuman keras, mercun dan dadah.



WAN Jamal (kanan) menunjukkan pelbagai jenis dadah yang ditemui di premis perkhidmatan kurier di Pengkalan Chepa.



SINDIKET guna khidmat kurier untuk edar dadah.